



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

PENGUNAAN MyDIGITAL ID (MyDID) SEBAGAI PLATFORM SISTEM LOG MASUK TUNGGAL BAGI APLIKASI MUDAH ALIH MyNISe

1. **PUTRAJAYA, 6 Januari 2026** – Bermula 15 Januari 2026, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memulakan penggunaan **MyDigital ID sebagai platform log masuk tunggal** bagi warganegara Malaysia yang menggunakan aplikasi mudah alih **MyNISe**. Bagi pengguna warganegara asing, kaedah log masuk sedia ada ke aplikasi MyNISe akan terus digunakan tanpa sebarang perubahan.
2. Pelaksanaan penggunaan **MyDigital ID sebagai platform log masuk tunggal** ini adalah sebahagian daripada inisiatif pelaksanaan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NISe) dan berfungsi untuk mengesahkan identiti pengguna secara tepat dan selamat melalui pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tanpa menyimpan data peribadi pengguna. Pendekatan ini meningkatkan keselamatan transaksi digital serta memudahkan pengalaman pengguna melalui satu log masuk tunggal tanpa perlu mengingat pelbagai kata laluan. Warganegara Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas adalah disarankan untuk memuat turun dan mendaftarkan diri ke aplikasi MyDigital ID yang boleh didapati di gedung-gedung aplikasi seperti Apple App Store, Google Play dan Huawei Gallery sebelum menggunakan MyNISe.
3. Aplikasi MyNISe ini telah mula digunakan bermula 22 September 2025 untuk memasuki pintu masuk negara di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor Bahru, Johor dan akan diperluaskan secara berperingkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA Terminal 1 dan 2, Bayan Lepas, Kuching dan Kota Kinabalu. Sehingga 30 Disember 2025, MyNISe telah mencatatkan 599,967 muat turun dengan 287,258 pengguna berdaftar.

4. Pelaksanaan MyDigital ID dalam MyNIISe mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memodenkan perkhidmatan awam melalui pendigitalan yang selamat, cekap dan berfokuskan rakyat, demi meningkatkan kepercayaan serta keselesaan pengguna dalam urusan keimigresenan negara.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

6 JANUARI 2026

— TAMAT —

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812